

Newspaper	Berita Harian
Date	20/11/2012

Pasukan khas ditubuh siasat peristiwa sebenar

BH - 20/11/12

Kuala Lumpur: Inkuiri Suruhanjaya Siasatan Antarabangsa akan ditubuhkan bagi menyiasat kejadian sebenar yang berlaku di sebalik peristiwa 11 September 2001 (9/11).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata penubuhan suruhanjaya itu perlu bagi mengumpul bukti dan membincangkan teori konspirasi di sebalik kejadian 11 tahun lalu.

Katanya, tujuan utama penubuhannya adalah untuk meneliti laporan yang dikeluarkan Suruhanjaya kerajaan AS bagi menentukan ketepatannya, selain melakukan siasatan untuk meneliti dakwaan bahawa ia dilakukan oleh pihak lain dan bukannya penganas Islam.

"Sehubungan itu, ahli panel Persidangan Antarabangsa '9/11 Revisited-Seeking The Truth' yang berlangsung hari ini (semalam), akan melakukan kajian serta perbincangan menyeluruh untuk menentukan peranan dan tugas kerja suruhanjaya yang bakal ditubuhkan itu," katanya kepada media selepas persidangan itu di sini, semalam.

Ditaja mana-mana organisasi

Terdahulu pada sesi perbincangan dan cadangan, Profesor Undang-Undang Perbandingan Perlembagaan Universiti Mumbai, Niloufer Bhagwat berkata, panel bersetuju suruhanjaya akan ditaja oleh mana-mana organisasi yang diwakili pakar berkaitan.

Presiden Pertubuhan Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST), Dr Chandra Muzaffar pula mencadangkan supaya suruhanjaya meneliti laporan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan AS dan penemuan itu dijadikan asas untuk mengambil tindakan undang-undang.

Profesor Ekonomi Universiti Ottawa, Michel Chossudovsky berkata, suruhanjaya itu juga perlu menggunakan segala rangkaian yang ada untuk menghadapi media perdana Barat yang sering kali dilihat menutup (tidak melaporkan) peristiwa peperangan dan kekejaman yang dilakukan negara mereka.